

# Fandyi wakil Sabah, Juara Pidato Belia

UB 1-5-2014 AG

KOTA KINABALU: Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fandyi Sanizan Jurup muncul johan dalam Pertandingan Pidato anjuran Kementerian

Belia dan Sukan baru-baru ini.

Dengan tajuk 1Malaysia Asas Pembentukan Bangsa, Fandyi berjaya mencuri tumpuan para juri sekali gus menerima hadiah wang

RM500, piala dan sijil.

Beliau juga akan mewakili Sabah ke pertandingan peringkat kebangsaan yang berlangsung pada Festival Belia di Wilayah Persekutuan Putrajaya, 24-27 Mei 2014.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing disandang oleh Wan Zainudin Aspar dan Mohd Fadli daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO). Wan menerima hadiah wang RM300, piala dan sijil manakala Fadli menerima RM200, piala dan sijil.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pegawai Pembangunan Belia, Jabatan Belia dan Sukan Sabah, Zainudin Atin.

Dalam pada itu, Fandyi melahirkan rasa kesyukuran terhadap pencapaian yang diperolehi.

“Kejayaan ini tidak mampu dicapai tanpa sokongan pihak universiti khususnya daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,” ujar pemuda kelahiran Ranau itu.

Beliau turut bertekad untuk mengharumkan nama UMS sekali lagi pada pertandingan peringkat kebangsaan nanti.

“Saya mohon sokongan daripada rakan-rakan sekalian. Doakan kejayaan saya pada festival itu,” katanya.



**FANDYI** johan dalam Pertandingan Pidato anjuran Kementerian Belia dan Sukan baru-baru ini.